

**UCAPAN PEMBENTANGAN KERTAS PUTIH MENGENAI STATUS  
EKONOMI MALAYSIA OLEH YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD  
BADAWI, DI DEWAN NEGARA  
3 MEI 1999**

-----

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mohon mencadangkan satu usul untuk membentangkan kertas putih mengenai status ekonomi Malaysia yang berbunyi seperti berikut:

"Bahawa dewan ini,

Menyedari akan perlunya diberi penjelasan yang sebenar mengenai usaha-usaha yang dilaksanakan untuk menangani krisis ekonomi serta kedudukan semasa ekonomi negara kepada semua lapisan rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa; Menyokong kerajaan melaksanakan dasar-dasar dan usaha-usaha yang diperkenalkan untuk menangani krisis ekonomi yang dihadapi;

Merestui dasar-dasar dan usaha-usaha yang diperkenal untuk memulihkan ekonomi seperti dibentang dalam kertas perintah bil. 6, tahun 1999; Dalam merestui kertas putih mengenai status ekonomi Malaysia, kerajaan dengan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka untuk bersama-sama membantu memulihkan ekonomi negara". Tuan yang di pertua,

Kertas putih ini telah dibentangkan di dewan rakyat pada 6 April 1999 dan setelah dibahaskan, telahpun diluluskan. Pada hari ini, saya akan membentangkan kertas putih mengenai status ekonomi malaysia di dewan ini pula.

Krisis kewangan telah mula melanda rantau ini pada bulan Julai 1997 berikutan serangan spekulasi ke atas matawang baht. Sejak itu, kita telah menyaksikan satu demi satu negara harimau Asia tersungkur. Malaysia juga tidak terlepas dan kita mulai menghadapi satu persatu masalah yang di luar jangkaan. Ia bermula dengan kemerosotan nilai ringgit, diikuti dengan kejatuhan harga saham dan kelemahan sistem perbankan. Krisis kewangan ini kemudiannya menular menjadi krisis ekonomi apabila sektor ekonomi sebenar turut terjejas, aktiviti pengeluaran tidak dapat diteruskan kerana kekurangan permintaan, ramai pekerja diberhentikan kerana syarikat dan kilang tidak dapat menampung kos pengeluaran, ada syarikat yang jatuh bankrap dan terpaksa dibubarkan dan akhirnya ekonomi menguncup jauh lebih teruk dari yang pernah dialami semasa kemelesetan ekonomi pada tahun 1985 dahulu. Bagi menangkis gejala yang lebih buruk, kerajaan telah mengambil langkah drastik dan pragmatik untuk mempertahankan ekonomi dari terus hancur dan menjadi kucar kacir. Sungguhpun begitu, ada pihak, di dalam dan di luar negeri yang mempertikaikan langkah kerajaan dan memandangnya dari sudut yang negatif.

Kertas putih ini bertujuan memberi penjelasan yang sebenar mengenai kedudukan ekonomi negara. Antara lain, kertas ini menerangkan kedudukan ekonomi sebelum dan selepas krisis kewangan, memaparkan kesan daripada krisis serta menghuraikan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara. Dengan penjelasan ini, saya harap rakyat dan berbagai pihak lain akan dapat memahami apa yang sebenarnya berlaku dalam negara, punca tercetusnya keadaan yang tidak menentu serta sebab kerajaan perlu mengambil sesuatu langkah atau mengubahsuai sesuatu dasar supaya dengan itu memudahkan

kerajaan mendapat kerjasama dari semua pihak dalam usaha mempercepat pemulihan ekonomi. Tuan yang di pertua,

Sebelum teretusnya krisis kewangan, prestasi ekonomi negara sangat memberangsangkan. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebenar meningkat 8.5 peratus setahun bagi tempoh 1991-1997. Pendapatan per kapita meningkat dua kali ganda dalam nilai dolar Amerika Syarikat. Asas ekonomi negara adalah kukuh dengan kadar inflasi hanyalah pada 2.7 peratus pada tahun 1997 manakala kadar pengangguran pula rendah iaitu di paras 2.6 peratus, jauh lebih rendah dari yang dialami oleh negara-negara maju. Kadar tabungan negara di tahap 39.4 peratus kepada Keluaran Negara Kasar (KNK), iaitu antara negara yang mempunyai tahap simpanan tertinggi di dunia. Hutang luar negara juga rendah, disokong oleh rizab luar yang tinggi berjumlah US\$27.4 bilion yang boleh menampung import tertanggung selama 4.3 bulan. Akaun sektor awam amat baik dengan lebihan belanjawan keseluruhan berjumlah RM17.3 bilion atau 6.6 peratus daripada KNK.

Kesemua ini telah memudahkan kerajaan melaksanakan agenda sosial untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat yang merupakan tunjang kepada segala usaha pembangunan negara. Berikutan itu, kadar kemiskinan turun daripada 16.5 peratus pada tahun 1991 kepada 6.1 peratus pada tahun 1997. Kita telah berjaya mewujudkan lebih ramai golongan menengah. Kita juga telah dapat membela nasib kaum bumiputera yang kini lebih ramai berkecimpung dalam sektor moden. Tidak ada siapa yang sangka bahawa krisis kewangan akan berlaku dan menafikan kemajuan yang telah dicapai.

Tuan yang di pertua,

Beberapa negara terlibat yang menghadapi masalah telah menerima bantuan IMF yang memberi pinjaman dengan syarat yang ketat. Pinjaman tersebut bukan sahaja mengikat negara berkenaan dari kebebasan untuk menguruskan sendiri ekonomi mereka, malah telah mendatangkan kesan penguncupan yang teruk. Bagi Malaysia, keperluan untuk meminjam daripada IMF tidak timbul kerana asas ekonomi kita lebih kukuh. Sungguhpun begitu, Malaysia pada mulanya mengikut pendekatan yang telah diperkenalkan oleh IMF kepada negara-negara tersebut iaitu dengan mengamalkan dasar kewangan dan fiskal yang ketat.

Walaupun dasar tersebut telah dapat mengawal tekanan harga dan memperbaiki kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran, namun ia telah mendatangkan kesan yang tidak diingini. Dasar kewangan dan fiskal yang ketat telah menyulitkan banyak pihak. Kadar faedah yang tinggi telah meningkatkan kos pinjaman. Penetapan kadar pertumbuhan pinjaman yang lebih rendah telah menjejaskan peluang mendapatkan pinjaman termasuk bagi syarikat-syarikat yang berprestasi baik. Penukaran Pengkelasan Pinjaman Belum Berbayar (NPL) daripada enam kepada tiga bulan telah meninggikan lagi nisbah NPL dalam sistem perbankan. Penangguhan beberapa projek besar dan penting telah membantutkan aktiviti ekonomi dan perkembangan sektor swasta yang menjadi enjin pertumbuhan. Akibatnya, ekonomi negara telah menguncup dengan begitu cepat dan ini telah menjejaskan kesejahteraan hidup banyak pihak. KDNK sebenar telah menguncup pada paras negatif 6.7 peratus pada tahun 1998, kemerosotan pertama kali sejak tahun 1985. Pendapatan per kapita jatuh kepada RM11,835 sementara kadar pengangguran meningkat kepada 3.9 peratus daripada 2.6 peratus dalam tahun 1997.

Memandangkan keadaan yang semakin teruk, kerajaan telah mengorak langkah baru yang lebih tegas dan berani. Walaupun sukar dan terus dikritik terutama oleh pakar-pakar asing, kita cecal menongkah gelombang demi menyelamatkan ekonomi negara. Kita bimbang masalah ekonomi yang dihadapi akan merebak menjadi krisis sosial dan politik seperti yang berlaku di sesetengah negara yang akhirnya menghancurkan segala hasil titik peluh selama ini. Kerajaan terus menggubal dasar tidak konvensional dengan di terajui oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang telah ditugaskan untuk memulihkan ekonomi kita. Pelan pemulihan ekonomi negara telah dilancarkan dan perakuannya kini sedang giat dilaksanakan di berbagai peringkat di seluruh negara. Walaupun demikian, MTEN terus mengurus ekonomi secara hands on (dengan izin) dan sentiasa mengawasi prestasi ekonomi serta memperkenalkan langkah tambahan apabila perlu untuk memperkukuhkan lagi pelan pemulihan yang ada.

Atas perakuan yang dikemukakan oleh mten, kerajaan telah melonggarkan dasar kewangan dan fiskal bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Keperluan rizab berkanun (SRR) telah dikurangkan secara berperingkat daripada 13.5 peratus kepada 4.0 peratus. Langkah ini telah menyuntik semula dana berjumlah RM38.1 bilion dalam sistem perbankan. Kos dana yang pada satu ketika meningkat hampir 25 peratus telah dapat dikurangkan dengan langkah mengembalikan kecairan ini. Untuk mengurangkan beban syarikat, kerajaan telah mentakrifkan semula NPL bagi pinjaman yang tertunggak daripada 3 kepada 6 bulan. Ini telah mengurangkan NPL dan membebaskan bank dari terus dibebani dengan masalah hutang sahaja. Sebaliknya, bank boleh menumpukan perhatian kepada operasi kredit dan pembangunan projek baru bagi membiayai sektor ekonomi sebenar.

Tuan yang di pertua,

Ada pihak yang sengaja memanipulasi ringgit kita dengan menawarkan kadar faedah yang tinggi sehingga menyebabkan pengaliran keluar sejumlah besar ringgit mengakibatkan negara kita kekurangan ringgit dan kecairan terjejas. Untuk mengelakkan negara daripada terus diganggu oleh kegiatan spekulasi pihak asing yang berniat buruk, kerajaan telah mengumumkan langkah kawalan pertukaran asing secara terpilih pada 1 September 1998. Sungguhpun langkah tersebut telah dikecam hebat oleh banyak pihak, ternyata kini ianya berkesan. Langkah tersebut membolehkan kerajaan mengurus ekonomi dengan lebih baik dan telah memberikan keyakinan kepada pelabur. Kita telah mengambil peluang melaksanakan banyak dasar penstrukturan semula semasa negara terlindung dari perkembangan luar yang tidak menentu dan sukar difahami asasnya. Kita telah menyusun semula sektor kewangan dan korporat dengan menubuhkan danaharta, danamodal dan jawatankuasa penyusunan semula pinjaman korporat (CDRC). Danaharta adalah sebuah syarikat pengurusan aset yang membeli dan mengurus NPL daripada institusi kewangan manakala danamodal berfungsi menyuntik modal ke dalam institusi perbankan yang menghadapi kesulitan untuk meningkatkan modal mereka. CDRC pula menyediakan forum bagi siberhutang dan sipiutang menyelesaikan masalah hutang mereka dengan tidak payah melalui proses undang-undang. Tabung pemulihan bagi industri kecil dan sederhana pula ditubuhkan untuk membantu syarikat-syarikat kecil dan sederhana mendapatkan pembiayaan bagi meneruskan operasi mereka.

Kesemua entiti ini telah mencapai kemajuan pelaksanaan yang baik. Beberapa penganalisis telah mengatakan kita merupakan antara negara yang paling cepat

melaksanakan penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat yang dijangka memberi kesan baik ke atas ekonomi. Ini telah membuktikan kita tidaklah hanya berpeluk tubuh dan takut melaksanakan pengubahsuaian. Cuma cara kita berbeza, kita tidak ingin melihat firma tumpas sebelum diberi peluang. Kita juga telah membuktikan bahawa penstrukturan yang kita laksanakan adalah berasaskan pasaran dan dibuat secara telus. Saya yakin satu hari nanti cara kita juga akan diiktiraf sebagai satu alternatif yang viable, (dengan izin), kepada yang disarankan oleh IMF.

Kerajaan juga telah mengambil langkah meningkatkan tahap piawaian pengendalian korporat atau corporate governance, (dengan izin). Laporan mengenai corporate governance telah dikeluarkan oleh suruhanjaya sekuriti pada bulan Mac 1999 yang mengandungi perakuan untuk mengendalikan dan meningkatkan corporate governance bagi memulihkan keyakinan pelabur dan mengelakkan sektor korporat dari menghadapi masalah pengurusan pada masa hadapan.

Sejak dari dulu kerajaan bersikap fleksibel dalam melaksanakan dasar. Pada 4 Februari 1999, langkah kawalan pertukaran asing secara terpilih telah dilonggarkan apabila tujuan utama untuk menghindar spekulator matawang dan menstabilkan aliran masuk modal jangka pendek telah tercapai. Peraturan mengenai pegangan satu tahun modal portfolio telah diubah untuk membolehkan pelabur asing menghantar balik modal dan keuntungan, tertakluk kepada levi yang ditentukan mengikut masa dana berkenaan dibawa masuk ke Malaysia dan tempoh pelaburan.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sedar bukan sahaja sektor korporat yang menghadapi pahit getir dari krisis yang dihadapi. Golongan miskin juga merasai keperitan tersebut. Dengan itu, kerajaan telah merangka program khusus untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah. Peruntukan tambahan sebanyak RM100 juta telah diberi kepada amanah ikhtiar Malaysia untuk membolehkan pinjaman tanpa faedah diberikan kepada lebih ramai rakyat termiskin. Sebanyak RM200 juta lagi telah diperuntukkan bagi skim kredit mikro untuk membantu peniaga dan penjaja kecil di kawasan bandar. Kerajaan juga telah menubuhkan tabung usahawan kecil yang menyediakan kemudahan pembiayaan sehingga maksimum RM20,000 dan tabung ekonomi kumpulan usaha niaga yang akan diperluaskan ke seluruh negara untuk menyediakan pinjaman sehingga maksimum RM10,000.

Untuk menangani masalah berkaitan dengan pemilikan ekuiti bumiputera, beberapa langkah telah diperkenalkan oleh kerajaan. Bumiputera individu yang menghadapi masalah akibat krisis kewangan dan kegawatan ekonomi dibenar menjual saham-saham mereka atau sebahagian daripada kepentingan mereka kepada bukan bumiputera atau pelabur asing. Walau bagaimanapun, bumiputera lain atau agensi bumiputera dan institusi akan diberi pilihan pertama untuk membeli saham itu. Bantuan juga telah diberi untuk memulih dan membangun semula syarikat bumiputera yang strategik yang telah diuruskan dengan baik dan menguntungkan sebelum kemelesetan ekonomi.

Tuan Yang Di Pertua,

Program dan projek yang telah disyorkan oleh MTEN dan diluluskan oleh jemaah menteri sedang dilaksanakan dengan gigih oleh semua pihak termasuk kerajaan negeri. Saya ingin merakamkan penghargaan di atas kerjasama semua kerajaan

negeri yang telah memperuntukkan tanah untuk projek mengeluarkan bahan makanan seperti sayur- sayuran, ikan, dan ternakan. Bagi tanaman makanan, seluas 10,800 hektar tanah telah diluluskan oleh kerajaan negeri sementara 11,124 hektar tanah terbiar sedang dibangunkan semula. Kerajaan sedang berusaha untuk melaksanakan projek pertanian berskala besar yang melibatkan sektor swasta. Projek ini akan membantu meredakan tekanan harga serta mengurangkan import. Kerajaan negeri juga telah memberi kerjasama dengan mempercepatkan kelulusan bagi pelaksanaan projek perindustrian, infrastruktur dan pembangunan rumah kos rendah. Kempen memiliki rumah yang juga disertai kerajaan negeri telah berjaya membantu pemaju yang mengalami masalah penjualan rumah.

Tuan Yang Di Pertua,

Segala program pemulihan ekonomi memang memerlukan sumber kewangan yang besar. Kerajaan telah menganggarkan bahawa sebanyak RM62 bilion diperlukan. Saya bersyukur kerana sehingga kini, kerajaan telah memperolehi pinjaman pada kadar yang menarik dan ini sekali gus telah menangkis keraguan pihak tertentu akan keupayaan negara memperolehi sumber pembiayaan. Kerajaan telah memperolehi pinjaman dari jepun sebanyak US\$2.6 bilion daripada Sumitomo-Nomura, Overseas Economic Cooperation Fund (OECF) dan bank eksport- import Jepun. Selain dari itu sebanyak US\$700 juta telah diperolehi dari bank dunia dan US\$25 juta dari bank pembangunan Islam. Kerajaan juga sedang berunding untuk mendapat pinjaman tambahan dari bank eksport- import Jepun sebanyak US\$700 juta dan juga dari OECF. Turut menunjukkan keyakinan kepada kita adalah konsortium 12 bank asing tempatan yang telah memberi pinjaman sebanyak US\$1.3 bilion pada kadar yang menarik.

Selain dari sumber tersebut, kerajaan bercadang menggunakan sumber tempatan melalui penerbitan sekuriti dan bon dengan dividen yang dijamin. Institusi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan tabung- tabung pencen bolehlah membeli sekuriti dan bon ini berasaskan pertimbangan komersil. Tuan Yang Di Pertua,

Saya ingin melapurkan kepada dewan ini bahawa langkah yang diambil oleh kerajaan telah membuahkan hasil. Syukur alhamdulillah, kita telah dapat melihat banyak tanda awal pemulihan ekonomi. Perkembangan KDNK suku tahunan sedang bergerak ke arah uptrend, (dengan izin). Bagi suku keempat 1998, ia telah menguncup lebih kecil berbanding suku tahun ketiga. Insya Allah kita akan melihat perkembangan yang lebih baik bagi suku pertama tahun ini berdasarkan peningkatan indeks pengeluaran pembuatan (IPP) dan pengeluaran kelapa sawit yang merupakan aktiviti ekonomi terpenting kita. IPP telah mencatatkan pertumbuhan positif 5.9 peratus dalam bulan Februari 1999 iaitu pertama kali sejak 12 bulan yang lalu sementara kelapa sawit telah meningkat 17.5 peratus dalam bulan Mac 1999.

Petunjuk pelaburan juga bertambah baik, misalnya jumlah pinjaman yang telah diluluskan oleh sistem perbankan adalah lebih besar. Penggunaan dana di bawah tabung-tabung khas juga telah bertambah terutama tabung industri kecil dan sederhana dan tabung untuk makanan. Dari segi penggunaan, kita lihat jualan kenderaan telah meningkat lebih dari tiga kali ganda berikutan dari berkurangnya kadar faedah, kadar margin sewa-beli dan harga kereta. Indeks harga pengguna meningkat hanya 3.0 peratus pada bulan Mac 1999 manakala indeks harga pengeluar mencatatkan pertumbuhan negatif dua bulan berturut-turut iaitu merosot

3.9 peratus pada bulan Januari dan 4.2 peratus pada bulan Februari 1999. Imbangan perdagangan mencatatkan rekod tertinggi dalam sejarah negara dengan lebih sebanyak RM58.4 bilion dalam tahun 1998 dan lebih yang besar masih berterusan sehingga bulan Mac 1999. Rizab luar negeri bersih kukuh pada us\$28.2 billion pada pertengahan bulan April 1999, cukup untuk membiayai 6.1 bulan import tertanggung.

Bagi sektor perbankan, kadar faedah pinjaman asas bagi bank perdagangan telah berkurangan kepada 7.65 peratus pada pertengahan April 1999 daripada paras tertinggi sebanyak 12.27 peratus pada tahun 1998. NPL telah berkurang kepada 8.6 peratus berdasarkan pengkelasan 6 bulan dari tahap tertinggi 11.4 peratus dalam bulan Ogos 1998. Prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) juga semakin baik. Jika dibandingkan dengan pasaran saham antarabangsa yang lain, BSKL merupakan antara bursa saham yang mencatatkan peningkatan terbaik sejak kerajaan memperkenalkan langkah kawalan tukaran asing terpilih.

Tuan yang di pertua,

Memandangkan prestasi petunjuk-petunjuk yang memberangsangkan ini, saya yakin matlamat pertumbuhan positif tahun ini akan tercapai. Namun, apa yang lebih penting adalah untuk mengukuhkan lagi prestasi agar tanda pemulihan benar-benar bertukar menjadi kenyataan. Oleh itu saya menyeru semua rakyat supaya saling membantu dan menyokong segala usaha kerajaan. Sama- samalah kita memainkan peranan bagi menjayakan matlamat kita demi memulihkan ekonomi negara tercinta ini. Semoga kita dapat terus berdiri dengan megahnya sebagai satu negara yang berdaulat dan bangsa yang bermaruah. Saya percaya tidak ada kuasa di dunia ini yang dapat meruntuhkan kemegahan negara dan bangsa jika kita terus gigih dan cekat menghadapi cabaran serta sanggup berkorban demi masa depan yang lebih gemilang.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mohon mencadangkan.